

07/10/1997

Saya tidak akan letak jawatan: PM (HL)

Kamal Ahmad; Ghazali Musa

SUBANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri semata-mata kerana ada cubaan beberapa media dan pengurus dana asing untuk menyingkirkannya.

Memberitahu sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz kembalinya daripada lawatan rasmi selama 11 hari ke Amerika Latin dan Caribbean petang ini, Perdana Menteri berkata, memang ada percubaan media Barat dan pengurus dana tertentu cuba berbuat demikian.

Menurutnya, kumpulan yang sama juga bertanggungjawab melagakan beliau dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka ada agenda sendiri untuk dunia ini. Jangan kita terbawa-bawa dengan mempercayai Perdana Menteri berkelahi dengan timbalannya dan mereka bertentang pendapat. Anwar lebih lembut, saya lebih keras... saya tak tahu macam mana mereka tahu.

"Sebenarnya tidak ada konflik. Mereka cuma hendak melagakan saya dengan Anwar. Mereka kata Anwar baik, saya jahat. Kononnya inilah masanya untuk menukar kepemimpinan kepada yang baru. Mereka kata saya hendak letak jawatan selepas pulang dari luar negara.

"Sebenarnya, tidak terlintas di hati saya (untuk bersara). Takkan saya hendak melarikan diri ketika negara sedang menghadapi masalah. Apakah anda fikir saya akan lari?" katanya.

Lebih 1,000 orang, kebanyakannya penyokong Barisan Nasional berada di luar bilik Bunga Raya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk menyambut kepulangan beliau.

Ada antara mereka membawa sepanduk dengan tulisan 'Teruskan Perjuangan Mu' dan 'Kami Berdiri Teguh Di Belakangmu Mahathir' sambil melaungkan 'Hidup Mahathir'. Dr Mahathir berkata, kerajaan dengan sokongan rakyat akan terus menentang kumpulan itu dan tidak akan membiarkan mereka menentukan corak pentadbiran dan kepemimpinan negara ini.

Malaysia adalah sebuah negara demokrasi dan rakyat tidak harus membiarkan orang asing yang hanya berminat mengaut keuntungan menentukan hala tuju negara ini.

Dengan cara tertentu, katanya, propaganda media Barat turut meletakkan kesalahan kejatuhan nilai ringgit ke atas beliau kononnya tidak tahu mentadbir negara. Media Barat turut melaporkan rakyat di negara ini tidak mempunyai kebebasan bersuara sehingga terpaksa memerhati sekeliling sebelum bercakap sesuatu.

"Mereka kata di Malaysia kononnya kalau nak bercakap kena tengok belakang kerana takut polis tangkap. Polis kononnya sentiasa mengintip dan akan menahan mereka jika bercakap perkara tertentu.

"Mereka tidak boleh fikir negara kita ada demokrasi dan keadilan sedangkan kita benarkan Asia Wall Street Journal dan Herald Tribune... kita tidak pernah tapis mereka.

"Apakah kita pernah tapis mereka walaupun ada yang dilaporkan bertentangan dengan kita. Malangnya tidak ada apa yang boleh meyakinkan mereka bahawa kita mengamalkan kebebasan akhbar.

"Tetapi saya mengatakan merekalah yang tidak ada kebebasan akhbar. Akhbar mereka dikuasai oleh kepentingan seseorang," katanya sambil memberitahu, ada majalah yang menuduh pemimpin tertentu tidak bagus.

Di Argentina, Dr Mahathir diminta mengesahkan beberapa khabar angin mengenai kedudukannya.

"Saya jawab tidak. Tetapi khabar angin akan terus tersebar kerana ini

adalah matlamat peniaga mata wang. Ia bukan matlamat negara tertentu. Mereka mahu singkirkan orang yang kritik mereka dan buat cadangan sehingga orang ramai mula menerima.

"Mereka sangat berkuasa. Dia boleh beli orang dan beli akhbar. Di barat, media tidak bebas. Mereka dikuasai kepentingan tertentu. Apa saja yang bertentangan dengan mereka, ia tidak akan diterbitkan. Ucapan saya, contohnya, hanya disiarkan bahagian yang mereka suka," katanya.

(END)